

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 2/1975.**

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Permohonan Menukar Syarat Penggunaan
Tanah milik Daripada Jenis Pertanian Kepada Bangunan.

Pada masa sekarang telah banyak permohonan menukar tanah-tanah milik jenis pertanian kegunaan bangunan diterima. Permohonan-permohonan itu dimasa lepas telah dirujuk kepada Jabatan Pertanian dan/atau Jabatan Parit dan Talian untuk mendapat pandangan sebelum diberi pertimbangan tetapi tidak dirujuk kepada Jabatan Perancang Bandar dan Kampung untuk tujuan tersebut. Satu-satu kawasan yang luas yang hendak dimajukan untuk bangunan-bangunan rumah duduk, kedai atau lain-lain mustahak jua dikajikan dan diteliti dari segi kaca mata pembangunan bandar atau kampung dengan mengambil perhitungannya penempatan dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti jalanraya, bekalan air, bekalan letrik bagi kesempurnaan satu-satu bandar atau kampung. Penukaran kegunaan bangunan bagi tanah-tanah pertanian yang terletak dalam kawasan Jumaah Bandaran masalah tidak timbul kerana kawasan-kawasan itu telah terikat oleh penguasa tempatan itu yang mana pandangan daripada Jumaah Bandaran itu adalah mencukupi, tetapi di kawasan-kawasan lain oleh kerana tiada kawalan pelan susunan maka mustahaklah dibuat kajian dan penelitian dari segi susunan bandar atau kampung sebelum satu-satu permohonan menukar kegunaan tanah dari jenis pertanian kepada bangunan dapat diberi pertimbangan.

2. Dengan hal yang demikian Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta supaya tiap-tiap permohonan untuk menukar jenis penggunaan tanah dari pertanian kepada bangunan bagi satu kawasan yang berkeluasan 5 ekar atau lebih semasa satu lot atau lebih hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jabatan Perancang Bandar dan kampung untuk mendapat pandangan dan ulasan sebelum diangkat bagi pertimbangan.

3. Selain daripada perkara tersebut di atas Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah juga dikehendaki menyatakan dalam laporannya dalam perkara-perkara seperti berikut:-

- a) Kegunaan tanah di atas lot-lot sekeliling tanah yang berkenaan itu;
- b) Samada tanah yang berkenaan itu telah ditambah/bangunan telah dibina di atasnya;
- c) Samada tanah yang berkenaan itu tanah padi dalam kawasan tanaman dua kali setahun dan tanah padi itu diusahakan tanaman padi mengikut kawasan itu atau sebaliknya;
- d) Jarak jauh tanah yang berkenaan itu dari sebarang jalanraya yang paling hampir sekali dan samada jalan Persekutuan, Jalan Negeri atau jalan Mukim.

Sekian,

MAHAJARA PERUBAHAN TANAH DAN GALLIAN TERENGGANU
BILANGAN 21/77

t.t.
(Osman bin Mohd Noor)
Pengarah Tanah dan Gallian,
Terengganu.

Bil. (16) PTG.TR. 13/66/1SEM

s.k.
Yang Berhurat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Pengarah Pertanian Negeri,
Terengganu.

Pengarah Perancang Bandar dan Kampung,
Terengganu.

Pengarah Parit dan Tallair Negeri,
Terengganu.

- Y.D.P.Jumaah Bandaran, Kuala Terengganu.
 - Y.D.P.Jumaah Bandaran, Kemaman.
 - Y.D.P.Jumaah Bandaran, Dungun.
 - Y.D.P.Jumaah Bandaran, Besut.
 - Y.D.P.Jumaah Bandaran, Hulu Terengganu.
 - Y.D.P.Jumaah Bandaran, Marang.
- Fail PTG.TR. 160/64.

Kuala Terengganu, 11hb. Mac, 1975.